




Jawapan Praktis Ekstra


Bab 1(a)

1. Lengkapkan peta bulatan dengan ciri-ciri faktor modal.

i-THINK Peta Bulatan



2. Rajah berikut menunjukkan perbualan tentang sumber ekonomi.



- (a) Nyatakan semua faktor pengeluaran yang disebut dalam perbualan di atas.


Faktor pengeluaran	Contoh dalam situasi
Buruh	Yusof dan tiga orang pekerja
Tanah	Kolam penternakan
Modal	Pinjaman bank sebanyak RM30 000
Usahawan	Rizal

- (b) Pada pendapat anda, adakah Encik Rizal seorang usahawan? Bincangkan.

Ya, kerana beliau menggabungkan dan menyelaraskan faktor pengeluaran yang lain. Beliau mengusahakan perniagaan yang menghasilkan barang atau perkhidmatan, mengajikan pekerja, menanggung risiko dan menggunakan modal.

- (c) Lengkapkan peta buih berganda di bawah dengan perbandingan Yusof dan Rizal dari segi faktor pengeluaran.

i-THINK Peta Buah Berganda



3. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi sebuah firma.

TP 3

Pihak pengurusan Syarikat Zawiyah mencadangkan dua projek baharu untuk pembangunan perniagaan syarikat pada tahun 2018. Projek-projek yang dicadangkan merupakan projek pasar raya di Rawang, Selangor dan pembinaan sebuah hotel lima bintang di Seremban, Negeri Sembilan. Disebabkan kekangan kewangan, Lembaga Pengarah memutuskan untuk meneruskan projek hotel dan menangguhkan projek pasar raya.

- (a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut.

Syarikat Zawiyah menghadapi kekurangan faktor pengeluaran / sumber ekonomi.

- (b) Bagaimanakah syarikat tersebut membuat pilihan?

Syarikat akan memilih projek yang dapat memberikan keuntungan yang maksimum iaitu memilih projek hotel kerana memberikan keuntungan yang maksimum.


- (c) Berdasarkan jawapan anda di (b), jelaskan kesan pilihan yang dibuat oleh Syarikat Zawiyah.

Keuntungan daripada projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu projek pasar raya.


4. Jadual di bawah menunjukkan dua jenis barang yang dikeluarkan oleh sesuatu firma.

Kaedah pengeluaran	Baju (helai)	Seluar (helai)
A	0	60
B	10	56
C	20	50
D	30	40
E	40	30
F	50	16
G	60	0

Lukiskan keluk kemungkinan pengeluaran baju dan seluar dengan menggunakan kertas graf berikut.



5. Rajah di bawah merupakan satu keluk kemungkinan pengeluaran.



- (a) Yang manakah titik tidak boleh dicapai oleh ekonomi?

Titik G

- (b) Yang manakah titik dianggap tidak cekap?

Titik F

- (c) Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik F.

Titik F berada dalam kawasan keluk kemungkinan pengeluaran. Ini menunjukkan berlaku ketidakcekapan pengeluaran dalam ekonomi. Ekonomi gagal menggunakan semua faktor pengeluaran dengan cekap. Ada pengangguran dalam faktor pengeluaran. Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh.

- (d) Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik G.

Titik G berada di luar kawasan keluk kemungkinan pengeluaran. Ini menunjukkan ketidakupayaan pengeluaran dalam ekonomi. Faktor pengeluaran terhad. Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh. Hanya boleh dicapai jika ada peningkatan teknologi atau peningkatan dalam faktor pengeluaran yang sedia ada.

- (e) Hitungkan kos lepas sekiranya titik pengeluaran berubah dari **B** ke **C**.

$$\begin{aligned} \text{Kos lepas} &= \frac{90 - 120}{60 - 40} \\ &= -1.5 \end{aligned}$$

- (f) Hitungkan kos lepas sekiranya titik pengeluaran berubah dari **D** ke **C**.


$$\begin{aligned} \text{Kos lepas} &= \frac{40 - 90}{80 - 60} \\ &= -2.5 \end{aligned}$$



Jawapan Praktis Ekstra

Bab 1(b)

1. Menghasilkan peta i-THINK yang sesuai untuk menunjukkan masalah asas ekonomi.



2. Lengkapkan peta pokok dengan masalah asas ekonomi.


i-THINK Peta Pokok

<u>Masalah asas ekonomi</u>			
<u>Apa yang hendak dikeluarkan</u>	<u>Berapa yang hendak dikeluarkan</u>	<u>Bagaimana hendak dikeluarkan</u>	<u>Untuk siapa dikeluarkan</u>
Penentuan: Jenis barang	Penentuan: Kuantiti barang	Penentuan: Teknik/Cara pengeluaran	Penentuan: Corak agihan barang
Penyelesaian: Permintaan masyarakat	Penyelesaian: Permintaan masyarakat	Penyelesaian: Teknik paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan	Penyelesaian: Corak agihan pendapatan

3. Lengkapkan jadual berikut tentang penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi yang berlainan.

	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi campuran
Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui kuasa permintaan dan kuasa penawaran (mekanisme pasaran) di pasaran	Ditentukan oleh kerajaan dan barang yang membawa faedah sosial yang tinggi diberi keutamaan	Diselesaikan melalui mekanisme pasaran dan kuasa kerajaan. Pihak pengeluar mengeluarkan barang mengikut permintaan masyarakat dan kerajaan menyediakan barang awam
Berapa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui kuasa permintaan dan kuasa penawaran di pasaran	Kerajaan akan menentukan kuantiti yang hendak dikeluarkan mengikut keperluan rakyat	Pengeluar menghasilkan barang mengikut permintaan masyarakat, tetapi kerajaan menghasilkan barang awam yang mencukupi untuk masyarakat
Bagaimana hendak dikeluarkan	Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan	Kerajaan akan menentukan kaedah pengeluaran yang paling cekap. Biasanya akan memilih kaedah pengeluaran intensif buruh bagi mengurangkan kadar pengangguran	Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan. Kerajaan akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan kebijakan masyarakat
Untuk siapa dikeluarkan	Pengguna yang berkemampuan tinggi boleh menikmati lebih banyak barang yang dihasilkan	Kerajaan akan menentukan barang yang dikeluarkan diagihkan kepada setiap individu dalam masyarakat secara adil dan saksama	Pengguna yang berkemampuan tinggi boleh menikmati barang ekonomi yang lebih banyak. Kerajaan akan memastikan semua rakyat dapat menikmati barang awam secara adil dan saksama

4. Lengkapkan teka silang kata berikut.



MENEGAK

- (a) Masalah asas ekonomi "Bagaimana hendak dikeluarkan?" berkaitan dengan penentuan _____ pengeluaran sesuatu barang.
- (b) Matlamat isi rumah adalah untuk memenuhi _____.
- (c) Faktor yang menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran.
- (d) Pemilik faktor pengeluaran dalam sistem ekonomi perancangan pusat.
- (e) Wujud akibat daripada masalah kekurangan dalam ekonomi.
- (f) Sistem ekonomi yang mengimbangi motif keuntungan dan kebajikan.
- (g) Ciri yang sama bagi semua faktor pengeluaran.
- (h) Unit ekonomi yang merancang penggunaan faktor pengeluaran.
- (i) Sumber alam semula jadi anugerah Tuhan.

MENDATAR

- (i) Wujud kerana ketidakseimbangan antara sumber ekonomi dengan kehendak manusia.
- (ii) Bentuk persaingan dalam sistem ekonomi campuran.
- (iii) Pembuat keputusan dalam sistem ekonomi pasaran bebas.
- (iv) Keinginan untuk memiliki barang atau perkhidmatan.
- (v) Ditentu oleh kuasa permintaan dan penawaran dalam pasaran.
- (vi) Matlamat utama firma.

5. Petikan berikut adalah berkaitan dengan sistem ekonomi di Korea Utara dan Korea Selatan.

Walaupun Korea Utara dan Korea Selatan terletak di semenanjung yang sama, sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara ini amat berbeza.

Ekonomi Korea Utara berada di bawah kawalan penuh kerajaan. Kerajaan menentukan segala aktiviti pengeluaran dan pelaburan dalam negara. Sebahagian besar pendapatan negara diguna untuk membiayai perbelanjaan ketenteraan. Hampir semua pekerja bekerja di perbadanan milikan kerajaan dan gaji mereka dibayar bawah sistem agihan berpusat. Perkhidmatan awam seperti pendidikan, kesihatan dan telekomunikasi disediakan dan dikawal penuh oleh kerajaan.



Negara ini kaya dengan pelbagai bahan mineral seperti besi, zink dan emas. Namun, pengeluaran hasil perlombongan adalah terhad kerana terlalu bergantung kepada kaedah intensif buruh dalam proses perlombongan. Aktiviti pertanian bertumpu kepada pengeluaran ubi kentang dan beras yang menjadi sumber makanan penduduk tempatan. Antara tahun 1995 hingga 2000, Korea Utara pernah menghadapi masalah kebuluran yang teruk kerana keadaan cuaca buruk telah menjelas hasil pertanian. Kerajaan terpaksa melaksanakan sistem catuan makanan bagi mengatasi krisis tersebut. Aktiviti perindustrian di Korea Utara bertumpu kepada pengeluaran peralatan ketenteraan. Kebanyakan hasil pengeluaran negara ini dieksport ke negara China. Korea Utara menerima pelaburan dari negara China dalam industri seperti kajian bahan kimia.

Korea Selatan pula merupakan ekonomi kedua belas terbesar di dunia dan ketiga terbesar di Asia. Jenama terkenal seperti Samsung, LG, Kia dan Hyundai yang berasal dari Korea Selatan sudah tidak asing bagi sebahagian besar penduduk dunia. Sejak 1962, kerajaan Korea Selatan mula mengorak langkah untuk membangunkan sektor perindustrian. Kerajaan mengalau-alukan kerjasama dan perkongsian ekuiti antara perbadanan awam dengan sektor swasta serta menggalakkan pengimportan bahan mentah dan teknologi melalui pemberian pelbagai insentif seperti pelepasan cukai. Berikutan dengan liberalisasi perundungan buruh pada tahun 2005, pengenalan sistem persaraan dalam sektor swasta telah menggalakkan penyertaan banyak tenaga kerja dalam sektor swasta dan mengurangkan kadar pengangguran. Usaha-usaha kerajaan Korea Selatan ini telah mendorong perkembangan pesat dalam sektor perindustrian negara. Cukai daripada aktiviti perniagaan digunakan oleh kerajaan untuk menyediakan barang awam.

Berdasarkan petikan tersebut, jawab soalan berikut.

- (a) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Korea Utara?
Berikan alasan anda berdasarkan fakta daripada kes.

Sistem ekonomi Korea Utara mengamalkan sistem ekonomi perancangan pusat.

- Kerajaan menentukan segala aktiviti pengeluaran dan pelaburan.
- Aktiviti pertanian bertumpu kepada pengeluaran barang makanan.
- Semua pekerja bekerja dengan kerajaan.
- Sistem catuan makanan dilaksanakan
- Perkhidmatan awam dikawal sepenuhnya oleh kerajaan.

- (b) Anda bersetuju bahawa negara Korea Selatan mengamalkan sistem ekonomi campuran.
Berikanuraian terperinci dengan sokongan daripada fakta dalam kes.

Sistem ekonomi Korea Selatan mempunyai ciri-ciri berikut:

- Penglibatan sektor swasta dalam ekonomi
- Sektor swasta diberi kebebasan untuk mengeluarkan produk
- Menggalakkan kerjasama antara sektor swasta dengan kerajaan
- Memberi pelepasan cukai
- Aktiviti perniagaan dikenakan cukai
- Insentif kepada aktiviti perniagaan
- Kerajaan menyediakan barang awam

- (c) Bandingkan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Korea Utara dengan sistem ekonomi pasaran bebas. **KBAT** Menilai

Ciri-ciri	Sistem ekonomi Korea Utara	Sistem ekonomi pasaran bebas
Pemilikan faktor pengeluaran	Faktor pengeluaran dimiliki oleh kerajaan	Faktor pengeluaran dimiliki oleh individu/ swasta
Penentu kehendak	Keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan	Keputusan ekonomi dibuat oleh sektor swasta
Pembuat pilihan	Pengguna tidak bebas membuat pilihan	Pengguna bebas membuat pilihan
Persaingan	Tiada persaingan di kalangan pengeluar	Persaingan bebas di kalangan pengeluar

- (d) Nyatakan jenis-jenis campur tangan kerajaan Korea Selatan dalam ekonomi.

Jenis-jenis campur tangan kerajaan Korea Selatan:

- Memberi bantuan modal perniagaan seperti perkongsian ekuiti
- Memberi kebenaran untuk mengimport bahan mentah dan teknologi
- Memberi insentif perniagaan seperti pelepasan cukai
- Meluluskan undang-undang dan polisi kerajaan untuk mengurang kadar pengangguran
- Mengenakan cukai atas pendapatan perniagaan
- Menyediakan barang awam